

Ahli suruhanjaya diraja tunggu perkenan Agong
Malaysiakini.com
January 12, 2011

Senarai ahli suruhanjaya diraja yang ditubuhkan untuk mengkaji peraturan berkaitan soal siasat yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi kes kematian Teoh Beng Hock, akan diumumkan selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata perkara itu masih dalam proses dan kerajaan sedang meneliti nama-nama berkenaan sebelum dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda.

"(Bagaimanapun), saya tak dapat menghadap kerana Yang di-Pertuan Agong berada di luar negara," katanya di Seri Perdana hari ini selepas majlis ramah mesra meraikan skuad bola sepak kebangsaan yang menjuarai Piala AFF Suzuki bulan lalu.

Minggu lalu, beliau mengumumkan penubuhan satu suruhanjaya diraja untuk meneliti dan mengkaji peraturan berkaitan soal siasat yang diguna pakai oleh SPRM bagi menentukan sama ada berlaku pencabulan hak asasi semasa proses siasatan terhadap Teoh, pembantu seorang ahli exco kerajaan negeri Selangor yang ditemui mati terjatuh dari bangunan SPRM Selangor selepas disoal siasat oleh suruhanjaya itu tahun lalu.

Najib berkata, Suruhanjaya Diraja itu akan diwujudkan dengan terma-terma khusus yang akan ditetapkan dan pihak kerajaan akan melantik ahli-ahli suruhanjaya daripada kalangan mereka yang terbilang dan dihormati.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/153235>